



Pelajar Politeknik Seberang Perai iaitu Anni Nur Shahirah binti Rujhan dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah meraih pingat emas dalam kategori Puteri Kelas A, Kejohanan Pemilihan SUKMA Pulau Pinang, Silat Olahraga dan Silat Seni pada 11 hingga 13 Ogos 2017 yang telah berlangsung di KPSI Batu Uban, Pulau Pinang.

Manakala seorang lagi peserta iaitu Pelajar Semester 1 Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Muhammad Faris Farhan bin Ismail telah memenangi pingat perak setelah menghadapi kecederaan dalam perlawanan akhir kategori Putera Kelas J.

Semua pemenang emas dan perak akan dipanggil untuk latihan pusat SUKMA Pulau Pinang.

Syabas diucapkan!